

PLUMS jadi tumpuan golongan profesional

Lanjut pengajian bagi capai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu

Oleh HENRY BATING
hbating@gmail.com

PUSAT Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) yang dahulu dikenali sebagai Program Pengajian Luar Kampus (PPLK) mula diperkenalkan pada Oktober 1999 di Sandakan, Sabah.

Idea ini telah dicetuskan oleh Menteri Pendidikan Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, bertujuan untuk membantu guru-guru sandaran tidak terlatih melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di Sabah.

Idea tersebut kemudian dilaksanakan oleh pihak UMS di bawah kepimpinan mantan Naib Canselor UMS, YBhg. Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman.

Usaha memulakan PPLK adalah selaras dengan peranan UMS bagi mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu untuk mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

Usaha itu juga dilakukan untuk mencapai keseimbangan pengkhususan ilmu dan keperibadian para pelajar demi menghasilkan produktiviti dan kualiti yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

Semenjak penubuhan pusat ini, PLUMS semakin mendapat perhatian golongan profesional yang berkeja dan ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda dan seterusnya di peringkat Sarjana. Kewujudan pusat ini amat relevan dalam memajukan modal insan di kalangan golongan yang bekerja.

Pada hari ini, PLUMS diurus tadbir oleh UMS

Link Holdings Sdn. Bhd iaitu syarikat milik penuh Universiti Malaysia Sabah (UMS). PLUMS diterajui oleh Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi sebagai Pengarah Urusan Kumpulan sejak 2006. Selaku mantan Pengarah Pusat Perkhidmatan Rundingan dan Latihan (PPRL) UMS, Prof. Roselina meneruskan usaha dan dedikasi untuk menjayakan inisiatif membangunkan modal insan melalui penawaran program-program akademik universiti secara separuh masa.

"Semenjak program PLUMS diperkenalkan, UMS telah melahirkan graduan yang terdiri daripada golongan guru-guru sandaran tidak terlatih, golongan pegawai dan kakitangan kerajaan, syarikat-syarikat swasta, institusi kewangan serta agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun," kata Prof. Dr. Roselina sambil menambah, sehingga kini, PLUMS telah melahirkan graduan seramai 2,483 orang meliputi Peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Diploma Pascasiswazah.

Sebagai Pengarah Urusan Kumpulan ULink, Prof. Roselina meletakkan matlamat untuk memastikan kualiti graduan dari PLUMS menepati kualiti yang diperlukan oleh syarikat-syarikat swasta serta pelbagai organisasi luar seiring dengan objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Tambah Prof. Roselina, PLUMS juga menawarkan kemudahan prasarana yang mencukupi bagi menyediakan para penuntut dengan suasana pembelajaran yang komprehensif.

"Saya berpendapat bahawa suasana pembelajaran mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan kualiti seseorang graduan. Oleh itu adalah penting bagi



SELESA ... Dewan Kuliah UMS.

para pelajar untuk mendapat akses terus kepada prasarana seperti makmal komputer, pusat kesihatan serta kemudahan asas yang lain," katanya.

Diajukan soalan mengenai komitmen para pelajar separuh masa di PLUMS, Prof. Dr. Roselina menolak segelintir anggapan bahawa seseorang pelajar tidak boleh membahagikan masa di antara masa berkeja dengan masa pembelajaran kerana masa pembelajaran yang PLUMS tetapkan adalah sangat fleksibel dan bersesuaian dengan gaya hidup golongan profesional masa kini.

Tambahnya lagi, untuk mencapai kejayaan para pelajar wajib menekankan disiplin pembelajaran dan komited terhadap pengajian. Ini adalah resepi penting selain kesabaran dalam menimba ilmu pengetahuan. Beliau seterusnya menggesa calon-calon yang berminat dan berkelulusan untuk mengambil peluang keemasan yang ada untuk menimba ilmu pengetahuan melalui program PLUMS. Sementara itu, Rizal Malik, Pegawai Penguasa (Pentadbiran & Operasi) PLUMS berkata,



PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI

pengajian yang ditawarkan PLUMS bukan sahaja memberi peluang kepada masyarakat Sabah untuk mengembangkan potensi diri dan peluang kerjaya di tempat mereka bekerja, malahan program akademik yang ditawarkan oleh PLUMS mempunyai kelebihan yang tersendiri.

"Jumlah jam kredit bersama pensyarah adalah sama dengan pelajar sepenuh masa. Mod pengajian seperti ini dibuat bagi memastikan kualiti pembelajaran di PLUMS adalah sama taraf dengan pelajar sepenuh masa, yang mana masa bezanya dengan pelajar



RIZAL MALIK

sempenuh masa hanyalah dari segi tempoh pembelajaran," kata Rizal.

Program akademik di PLUMS memberikan kelebihan kepada para pelajar kerana boleh mengikut pengajian tanpa melepaskan kerjaya masing-masing. Malah pengalaman di tempat kerja, memberikan kelebihan kepada para pelajar melalui perkongsian bahan pengetahuan dan pengalaman. Dengan pengetahuan yang baharu dikongsi semasa pengajian, mereka akan menjadi pekerja yang lebih berdaya saing, kompetitif dan berinovasi.

Rizal seterusnya memaklumkan, PLUMS menawarkan lebih 19 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan sembilan (9) program di peringkat sarjana. Program-program ini ditawarkan di kampus induk Universiti Malaysia Sabah di Jalan Sepanggar Kota Kinabalu dan juga di setiap cawangan PLUMS di Sandakan, Tawau, Keningau dan Labuan.

Antara program akademik PLUMS yang mendapat sambutan dari kalangan profesional dan berkeja ialah Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Ijazah Sarjana Pengurusan Modal Insan (MHCM), Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling (MCP), Ijazah Sarjana Pendidikan Pengurusan Pendidikan (MEM), Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian (Komunikasi), dan Ijazah Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian (Psikologi Industri dan Organisasi).

Di samping itu, ketika pengajian di PLUMS, para pelajar boleh mendapatkan pembiayaan pendidikan dari pelbagai pihak seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan institusi-institusi kewangan yang lain.

Suasana pengajian di PLUMS amat mendukung matlamat melahirkan modal insan yang berketerampilan dan berilmu pengetahuan. Pelbagai kemudahan perkuliahan disediakan pihak Universiti termasuklah dewan kuliah yang kondusif, kafeteria, dewan perpustakaan, makmal komputer, masjid, kompleks sukan dan kelengkapan-kelengkapan lain bagi membantu para pelajar sepanjang pengajian mereka di Universiti di samping menikmati suasana yang harmoni dan sejahtera.



Pejabat Utama Pusat Luar UMS.



Surau pelajar PLUMS, Sandakan.



Pintu utama PLUMS Sandakan.



Pusat Luar UMS, Cawangan Tawau.



Pusat Luar UMS, Cawangan Sandakan.



KEMUDAHAN IT ... Rangkaian multimedia pencarian buku di Perpustakaan UMS.



INDAH ... Menara Berkembar Canselori UMS.